

RH / M16C35  
14/1/19



# Suburkan tabiat menabung untuk masa depan

*TABIAT menabung perlu disemai kepada anak supaya apabila mereka dewasa kelak akan menjadi terbiasa dengan amalan menyimpan. Ia bukan saja berjaya mengelakkan pembaziran tetapi pada masa sama, tabungan yang dibuat secara kecil-kecilan itu nanti boleh digunakan untuk menampung pembiayaan mereka pada masa depan.*

**A**da orang sukar mengamalkan tabiat baik menabung walaupun ia nampaknya sangat mudah. Di sini diberikan sedikit panduan untuk dikongsi bagaimana caranya anda boleh berjimat cermat dan menabung secara bijak dan berhemah.

## 1. BERHENTI MEROKOK.

Kata seorang kawan, sejak pengumuman harga baru rokok dia berusaha berhenti merokok. Hasilnya dia berjaya menjimatkan RM20 seminggu. Bukan itu saja, kajian kesihatan membuktikan mereka yang tidak merokok memiliki usia yang lebih panjang dan dapat pula berjimat RM1,040 setahun!

## 2. BAWA BEKALAN KE TEMPAT KERJA.

Mereka yang biasa membawa bekal makan tengah hari ke tempat kerja tiga kali seminggu pula mampu berjimat paling minimum RM30 seminggu. Ini membolehkan anda menyimpan sejumlah RM1,560 di bank pada tahun depan!

## 3. CUCI KERETA SENDIRI.

Selain berjimat anda boleh

bersenam dan mengeluarkan peluh secara sihat jika anda melakukan sendiri kerja mencuci kereta pada setiap hujung minggu. Anda tahu bahawa pengusaha tempat cuci kereta mengenakan bayaran RM9 sekali cuci dan ini bermakna anda boleh menjimatkan RM36 sebulan dengan mencuci kereta anda, belum dicampur perkhidmatan lain seperti mengilat kenderaan. Ini membolehkan anda menabung sebanyak RM1,872 setahun yang lama kelamaan menjadi lebih banyak.

## 4. BERIADAH DI RUMAH.

Sekiranya anda mendaftar dengan kelab kesihatan anda mungkin dikenakan bayaran RM180 atau lebih sebulan. Tetapi sekiranya anda bersenam sendiri di rumah dengan cara berjalan-jalan di sekitar kawasan perumahan selama 30 minit setiap hari, jumlah yang dapat dijitamkan ialah RM2,160 sepanjang tahun itu.

## 5. BAYAR BIL KREDIT KAD PADA MASANYA.

Jangan leka membuat pembayaran kad kredit bulanan anda tepat pada masa kerana

dengan cara ini anda dapat mengelakkan denda kerana pembayaran lewat. Kalau boleh, selesaikan baki kad kredit secepat mungkin untuk mengelakkan caj faedah yang tinggi.

## 6. AJAR ANAK ANDA SENDIRI.

Bagi ibu bapa yang ada masa lapang sebelah petang dan malam adalah lebih baik anda sendiri yang memberikan tuisyen kepada anak. Dengan cara ini anda mungkin boleh berjimat RM360 sebulan bagi seorang anak manakala sebanyak RM4,320 setahun untuk dimasukkan ke dalam akaun tabungan keluarga. Bukan itu saja, anda boleh dapat menghabiskan masa yang berkualiti bersama anak yang disayangi malah menjadikan hubungan ibu bapa dan anak menjadi lebih mesra dan rapat.

## 7. RANCANG PEMBELIAN BARANGAN DAPUR.

Mereka yang berjaya mendisiplinkan diri ketika membeli-belah iaitu hanya membeli barangan yang tertera pada senarai yang disediakan, jangan terperanjat kerana anda mampu berjimat sehingga RM80 sebulan. Kalau tabiat

ini berterusan, jumlah yang berjaya diselamatkan ialah RM960 setahun.

## 8. JELASKAN BIL ANDA MENGGUNAKAN KEMUDAHAN DALAM INTERNET.

Bersyukurlah dengan kemudahan perbankan Internet semuanya dapat dilaksanakan di hujung jari anda. Hasilnya anda dapat menjimatkan duit pos, bayaran meletak kereta atau pengangkutan awam dan duit minyak. Mungkin anda tidak tahu dengan menggunakan perbankan Internet anda telah berjimat RM840 setahun.

Bayangkan kalau semua jumlah yang dijitamkan tadi berjaya dikumpulkan pada tahun itu, anda boleh menabung sejumlah RM12,812 setahun. Apa yang anda boleh buat dengannya ialah menggunakannya pula untuk tujuan pelaburan saham amanah bagi mendapat pulangan jangka panjang yang menguntungkan.

